

## Khutbah Aidil Fitri

*Allāhu Akbar (9 kali) Allāhu Akbar kabīrā wa al-hamdulillahi kathirā wa subhānallahi bukratan wa āṣīlā. Allāhu Akbar.*

*Alhamd' 'alladhī hazā al-yauma yauma al-'īd wa al-surūr. Wa man 'amila 'amalā ṣolihān wa tuṣoddīqū fīhi wa yuḍā 'ifī lahu al-jazā' wa al-ujūr. Allāhu Akbar. Ahmaduhu wa ashkurhu subhānahu wa ta'ālā 'ala ni'mātahu al-'azīmati mā dāmat al-ayyāmu wa-āl-shuhūr. Ashadu an Lā ilāha illā Allah wahdahu lā sharīka lahu shahādatan tunjīnā min kulli shirk wa kufūr. Wa Ashadu anna Muhammadañ 'abduhu wa Rasūluhu al-mab'ūthu lihidāyatī al-insāni min al-żulūmāti ila al-nuur. Ṣallā allāhu alayhi wa sallam 'ala saiyyidinā Muḥammad wa 'ala ālihi wa āshābihi ṣolātan wasalāman da 'imāin ila yaumi al-nūshūr. Allāhu Akbar.*

~~~~~

Ayyuhā al-nās ittaqū Allāh, Ayuhai hamba-hamba Allah wahai  
*Ikhwān al-Muslimīn wa al-Muslimāt.* Hari ini ialah  
hari kesukaan dan keriaan yang dikurniakan kepada umat  
Islam terutamanya muslimin dan muslimat yang taat  
setia menyempurnakan puasa sebulan genap. *Allāhu Akbar.*

Keriaan yang dimaksudkan itu adalah mengandungi  
tiga bahagian.

Yang pertama – beramai-ramai dan berduyun-duyun pagi-pagi dengan  
berpakaian baharu, bersih dan suci ke tempat ibadat  
dan masjid-masjid dan juga tanah lapang kerana sembahyang  
Hari Raya Aidil Fitri ialah kerana syukur dan  
terima kasih kepada Allah Ta'ālā yang telah mengurniakan nikmat yang  
tidak terkira banyaknya. Perhatikanlah dalam badan tiap-tiap  
seorang didapati ribu-ribu kenikmatan, sebagaimana firman  
Allah Ta'ālā:

'A 'ūdhu biLlāhi min al-shayṭāni al-rajīm (Wa in ta 'uddū  
ni'matāLlāhi lā tuhṣūhā) ertinya, kiranya kamu menghitung  
nikmat Allah tiadalah kamu dapat menghitung dan mengiranya,  
ialah daripada sangat banyaknya. *Allāhu Akbar.*

Mudah-mudahan dengan membanyakkan syukur dan ingat kepada  
pengurniaaNya itu ditambah lagi nikmat-nikmat itu kepada kita  
dengan berganda-ganda dan berkekalan sebagaimana firmanNya:

*Wa la 'in shakartum la azīdannakum wa la 'in kafartum inna 'adhabī  
al-shadīd<sup>1</sup>.* Ertinya, Dan demi kiranya kamu syukur akan  
nikmat-nikmat Kami itu nescaya Kami menambahkan nikmat-nikmat  
lagi kepada kamu dan demi jikalau kamu engkarkan nikmat-nikmat  
itu bahawasanya seksa Kami adalah sangat keras. *Allāhu  
Akbar.*

Keriaan yang kedua – iaitu pertemuan kita di antara  
kaum kerabat, keluarga dan sahabat handai dan saudara  
mara dengan berziarah dan silaturrahim dengan menyediakan  
berbagai-bagai panganan<sup>2</sup> yang sedap-sedap dan minuman ringan yang  
lazat pula rasanya ialah kerana menghormatkan mereka sebagai  
dif dan menyukakan hati mereka, kerana siapa  
menyukakan hati orang-orang mukmin maka Allah akan menyukakan  
dia pada hari yang sangat sukar ertinya Hari Kiamat, *Allāhu Akbar.*

Keriaan yang ketiga – membahagikan zakat kepada fakir  
miskin pada hari itu, kerana orang-orang yang sangat  
sempit kehidupannya pada Hari Raya "Aidil Fitri" ini,  
hendak mendapatkan makan minum yang lazat pun payah  
apatah lagi mendapatkan pakaian baharu yang berwarna warni,  
tetapi manakala diberi zakat fitrah kepada mereka maka berasalah  
lega sedikit dan riang juga berhari raya, *Allāhu Akbar.*

<sup>1</sup> Ayat yang sebenarnya ialah *La 'in shakartum la azīdannakum wa la 'in kafartum inna 'adhabī lashadid.* (*Sūrah Ibrāhīm*, ayat 7).

<sup>2</sup> Merupakan kata Jawa yang bermaksud, makanan.

Inilah hikmat bahawa dasar Islam mewajibkan zakat fitrah itu, kiranya di Singapura ada badan kebaikan Islam satu sahaja yang dihormati serta pemimpinnya yang berani dan ikhlas pula dan kaum Islam pun setia kepada dasar agamanya tetaplah dapat mengumpulkan zakat fitrah, zakat perniagaan dan zakat harta yang tetap tidak kurang dari empat ratus ribu ringgit dalam setahun, dan ditadbirkan dengan halus dan adil pula nescayalah banyak buahnya yang manis dan lazat bagi maslahah muslimin dan muslimat di Singapura dengan memuaskan, *Allāhu Akbar.*

Ayuhan *Ikhwān al-Muslimīn*. Selagi keadaan badan-badan kebaikan Islam di Singapura, dan Persekutuan Tanah Melayu mengikut yang berlaku hari ini dengan berpuluhan-puluhan corak dan macam tujuan dan berpecahlah pula di antara satu dengan lainnya tetaplah kita tertinggal kebelakang dan corot berpuluhan-puluhan batu dari lain-lain bangsa, *Allāhu Akbar.*

Wahai saudara-saudara muslimin, hendaklah kamu ingat dan beringat bahawa segala pakaian cantik, rupa cantik dan molek bukanlah menunjukkan dia mulia pada sisi Allah Ta‘ālā tetapi yang dipandang mulia ialah hati dan iman yang bersih suci dan amalan yang ikhlas (tidak riak dan *nifāq*) sebagaimana firman-Nya dalam al-Qur‘ān:

*İnna akramakum ‘indaLlāhi atqākum.* Ertinya, bahwasanya semulia-mulia kamu ialah yang banyak takut kamu kepada Allah, dan sabda Rasulullah *şallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*:

*(InnaLlāha lā yanżuru ila ‘ājsāmukum wa lakin yanżuru ‘ila qulūbikum)<sup>3</sup> Rawāhu Muslim.*

Ertinya, bahwasanya Allah itu tidak memandang berharga kepada badan-badan kamu (hitam putih dan buruk cantik) dan tetapi Allah Ta‘ālā memandang berharga kepada hati kamu (iman kamu yang ikhlas) *Allāhu Akbar.* Hendaklah ingat semua

bahawa sebaik-baik pakaian adalah pakaian takwa, Ertinya, menjunjung titah dan menjauhkan tegah, sebagaimana firman Allah Ta‘ālā:

*Wa libāsu al-taqwa dhalika khayr.*

Ertinya, sebagus-bagus pakaian adalah pakaian takwa. Dijunjung perintah dan menjauhkan tegah, yang demikian itu adalah sebaik-baiknya, *Allāhu Akbar.*

*Ūṣīkum wa iyyāya bi taqwa Allāh faqad fāzā al-Muttaqūn wa āhthikum ‘ala ṫā‘atu Allāh wa Rasulihī la ‘allakum tuflīhūn.*  
*Wa āstaghfiru Allāhu lī walakum wa lisā’iri al-muslimīna wa al-muslimāt innahu huwa al-Ghafūr al-Rāhīm.*

Khutbah ini ditulis oleh Sahibu al-Fadilah al-‘Allamah Kiai Muhammad Fadlullah Suhaimi, seorang ulama yang terkenal di seluruh Pulau-pulau melayu – P.

## Wasiat Yang Berharga

**Abu Dhar al-Ghifāri, *raḍīyy Allāhu ‘anhu* berkata:**

**Kekasihku Rasulullah *şallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* telah berwasiat kepada aku dengan beberapa perkara yang berkebijakan:**

**Pertama:** Jangan saya memandang kepada orang yang di atas tetapi hendaklah memandang kepada orang yang di bawah.

**Kedua:** Hendaklah mengasihai golongan yang faqir miskin dan mendekati mereka.

**Ketiga:** Hendaklah menghubungkan silaturrahim kaum kerabat.

**Keempat:** Jangan takut kepada cacat cela dalam masa membuat sesuatu pada jalan Allah.

**Kelima:** Hendaklah berkata benar, sekalipun ia pahit.

**Keenam:** Hendaklah memperbanyak sebutan. “*Lā ḥawla wa lā quwwata illā biLlāhi*” kerana kalimat itu ialah salah satu perbendaharaan dari perbendaharaan syurga!

<sup>3</sup> Hadith yang sebetulnya ialah *InnaLlāha lā yanżuru ila ‘ājsāmukum wa lakin yanżuru ‘ila qulūbikum* wa lā ‘ila šuwarikum wa lakin yanżuru ila qulūbikum wa a‘mālikum.